

## **KENYATAAN MEDIA**

### **ULANGTAHUN KE-6 BANDARAYA PETALING JAYA**

20 Jun merupakan tarikh keramat bagi Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ). Pada 20 Jun 2012 ini, MBPJ akan menyambut ulangtahun bandaraya ke-6 semenjak diiktiraf menjadi bandaraya pada bulan Jun 2006 oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah AlHaj.

Menariknya pada tahun ini MBPJ akan mengadakan kenduri rakyat yang mana Majlis akan turut memberikan penghargaan kepada rakan-rakan perkhidmatan MBPJ yang terdiri daripada Jabatan atau Agendi kerajaan, Persatuan Penduduk dan Rukun Tetangga yang telah sama-sama membangunkan Bandaraya Petaling Jaya serta menyumbangkan pandangan dan idea bagi menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan Majlis Bandaraya Petaling Jaya secara amnya.

Penganjuran pelbagai acara yang melibatkan semua lapisan masyarakat berbilang bangsa daripada peringkat tua, muda, golongan kelainan upaya (oku), golongan berpendapatan rendah membuktikan keprihatinan MBPJ terhadap semua masyarakat di Petaling Jaya.

Namun demikian, kemudahan infrastruktur dan lain-lain kemudahan masih menjadi keutamaan MBPJ. Diharapkan pada tahun ini lebih ramai lagi penduduk Petaling Jaya akan turut hadir beramai-ramai memeriahkan acara-acara yang telah dirancang pada hari tersebut.

Di samping itu, antara acara-acara utama yang bakal dianjurkan ialah Karnival Sambutan Bandaraya Petaling Jaya yang turut diisi dengan senamrobik bersama Datuk Bandar Petaling Jaya, pertunjukan silap mata, urban dance, tarian irama Malaysia, busana Malaysia, Majlis Bacaan Yasin dan doa selamat serta santai santapan rohani bersama Ustaz Azhar Idrus, kenduri rakyat yang pasti menyajikan hidangan dan menu rakyat secara percuma, persembahan kebudayaan, pertunjukan bunga api dan lain-lain lagi.

Pada 20 Jun 2012 ini juga, MBPJ akan menyediakan perkhidmatan secara percuma antaranya ialah kemudahan gelanggang sukan dan padang, kolam renang, pemberian anak pokok sebanyak 1000 pokok, pendaftaran dan pembaharuan keahlian perpustakaan komuniti Petaling Jaya khususnya untuk penduduk Petaling Jaya, tempat letak kereta percuma On Street dan kompleks letak kereta yang dimiliki oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Sekali lagi, MBPJ menyeru seluruh warga Petaling Jaya agar bersama-sama datang untuk memeriahkan lagi Majlis Sambutan Ulangtahun ke-6 Bandaraya Petaling Jaya. Bersama-sama kita jayakan, Petaling Jaya Bandaraya Peneraju, Dinamik dan Lestari.

Di sediakan oleh:

**Sekretariat Media**  
**Unit Perhubungan Awam**  
**Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web : [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) , facebook: Petaling Jaya City Council,  
twitter : [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel : [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204,  
Faks : 03-79582695. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :  
Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, [zainun@mbpj.gov.my](mailto:zainun@mbpj.gov.my)  
Pen. Peg. Perhubungan Awam MBPJ, En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar,  
010-4268050 [ahmadiskandar@mbpj.gov.my](mailto:ahmadiskandar@mbpj.gov.my)